

U 0373 AAB
MAHATHIR - ISLAM
(I)

1984

OLEH SYED JAMIL JAAFAR .
MALE, (MALDIVES), 11 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI
DR. MAHATHIR MOHAMAD MENYERU UMAT ISLAM MENGAMALKAN PENDEKATAN BARU
UNTUK MASA DEPAN DAN MENGHADAPI CABARAN-CABARAN YANG SERING
BERUBAH-UBAH.

KATANYA UMMAH PERLU MEMPUNYAI IDEA-IDEA DAN MATLAMAT YANG JELAS
DAN TERANG.

+ EMPAT KURUN YANG LALU TIDAK MEMBERIKAN KITA KREDIT YANG
SEWAJARNYA, + KATANYA DI MAJLIS PERASMIAN MASJID AL-SULTAN MUHAMMAD
THAKURUTAN AL-AZAM DAN PUSAT ISLAM OLEH PRESIDEN MAUMOON ABDUL
GAYOOM DISINI HARI INI.

UPACARA TERSEBUT DIHADIRI OLEH ORANG-ORANG KENAMAAN DARI ENAM
NEGARA.

+ KITA BELUM LAGI MENUNJUKKAN INTISARI ISLAM YANG PADA SATU
KETIKA DAHULU MERUPAKAN PENGGERAK BAGI KEMAJUAN DAN PERPADUAN, +
TAMBAH DATUK SERI DR. MAHATHIR.

KATANYA ISLAM PERLU DIFAHAMI DALAM KONTEKS DUNIA SEZAMAN DAN
KEADAAN HIDUP YANG SERING BERUBAH-UBAH. -- LAGI
1659MST 11 11 84

D981

U 8397 AAB
MAHATHIR - ISLAM 2 MALE
(I)

+ KITA TIDAK BOLEH MEWUJUDKAN SEMULA DUNIA ZAMAN KEGEMILANGAN
ISLAM. OLEH ITU KITA HARUS MENYESUAIKAN POLITIK, SOSIAL DAN EKONOMI
DENGAN PERUBAHAN-PERUBAHAN TERSEBUT DENGAN MEMASUKKAN NILAI-NILAI
ISLAM, + KATANYA.

PERDANA MENTERI MENGULANGI PENTINGNYA PERPADUAN DI KALANGAN
UMMAH DAN NEGARA-NEGARA ISLAM UNTUK MENDAPATKAN KEDUDUKAN YANG LEBIH
BAIK BAGI UMAT ISLAM DALAM BIDANG EKONOMI, SOSIAL DAN MORAL.

KATANYA KEBESARAN DAN KEGEMILANGAN NILAI-NILAI ISLAM BERGANTUNG
KEPADA HAKIKAT BAHAWA IA BUKAN SAHAJA UNTUK MENYEDIAKAN UMAT ISLAM
UNTUK AKHIRAT TETAPI JUGA UNTUK MENGGERAKKAN DAN MEMANDU MEREKA KE
ARAH KEMAJUAN EKONOMI.

DEMI MENYEDARI HAKIKAT TERSEBUT, KERAJAAN MALAYSIA SEDANG
MENERAPKAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRANNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BANGGA KERANA RAKYAT MALAYSIA TERLIBAT
SAMA DALAM MEREKA-BENTUK DAN MEMBINA MASJID DAN PUSAT ISLAM DISINI.

KATANYA KOMPLEKS ITU BUKAN SAHAJA MERUPAKAN SATU MERCUTANDA BAGI
MALE TETAPI JUGA MELAMBANGKAN KERJASAMA DAN PERPADUAN ISLAM. -- LAGI
1715MST 11 11 84

D986

U 0399 AAO
MAHATHIR - ISLAM 3 MALE
(I)

MASJID DAN PUSAT ISLAM BERHARGA \$10-JUTA ITU DIREKABENTUK OLEH
SEORANG ARKITEK MALAYSIA ENCIK HAJEEDAR ABDUL MAJID, 39, DAN DIBINA
OLEH KONTRAKTOR-KONTRAKTOR MALAYSIA YANG MENGGUNAKAN PARA PEKERJA
MALAYSIA.

PARA JURUTERA DAN PENGUKUR BAHAN JUGADARI MALAYSIA.

KOMPLEKS ITU DIBIYAI OLEH SUMBANGAN DARIPADA NEGARA-NEGARA
ISLAM TERUTAMA OLEH ARAB SAUDI DAN BRUNEI. BAHAN-BAHAN BINAAN
DIIMPORT DARIPADA BEBERAPA BUAH NEGARA - SIMEN DARI FILIPINA, BATU
DAN PASIR DARI SRI LANKA, MAR-MAR DARI GREECE DAN KAYU DARI
THAILAND.

PAKISTAN MENDERMAKAN PERMAIDANI SEMENTARA MESIR MENGHADIAHKAN
TULISAN AYAT-AYAT SUCI AL-QURAN YANG MENGHIASI DINDING-DINDING
KOMPLEKS TERSEBUT.

SELEPAS UPACARA PERASMIAN, PARAHADIRIN MENUNAIKAN SEMBAHYANG
ZOHOR BERSAMA-SAMA BERIBU-RIBU UMAT ISLAM MALDIVES YANG TIDAK
MENGHIRAUKAN HUJAN KERANA MENYAKSIKAN UPACARA TERSEBUT. -- BERNAMA
1725MST 11 11 84